

10 MAR 1999

Sabah-Ramalan

APA RAMALAN PEMIMPIN TENTANG KEPUTUSAN PILIHAN RAYA SABAH

KOTA KINABALU, 10 Mac (Bernama) -- Pemimpin ketiga-tiga parti politik utama yang bertanding pada pilihan raya negeri Sabah kali ini mempunyai keyakinan masing-masing akan mencapai kemenangan untuk membentuk kerajaan baru selepas Sabtu ini.

Keyakinan pemimpin-pemimpin berkenaan sama ada diluahkan pada kempen, sidang akhbar, temu bual dengan wartawan atau wawancara eksklusif dengan Bernama.

Berikut ialah ramalan serta ulasan ringkas pemimpin-pemimpin berkenaan:

+ PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD: "Keputusan pilihan raya kali ini lebih mudah diramalkan dari masa-masa yang lalu, dengan BN menuju ke arah kemenangan besar".

"Saya tidak fikir apa yang berlaku (keputusan) pada pilihan raya 1994 akan berulang pada kali ini".

Pada 1994, PBS memperoleh majoriti mudah dengan memenangi hanya 25 kerusi, manakala BN memenangi 23 kerusi. Kerajaan PBS pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan yang dibentuk selepas itu tumbang tidak sampai sebulan kemudian setelah tiga anggotanya menang menyertai BN.

+ KETUA MENTERI TAN SRI BERNARD DOMPOK: "Angin yang ditiupkan oleh BN jauh lebih kuat. Beritahu Pairin jangan cuba berdiri di tengah-tengah angin itu kerana nanti beliau boleh diterbangkan oleh tiupan kencang itu".

Dompok menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Pairin kononnya angin perubahan yang bertiup menjelang pilihan raya kali ini jauh lebih kencang daripada yang bertiup pada 1986 dan 1990.

Hairannya, kata Dompok, Pairin tidak pula menyebut arah tiupan angin itu, tetapi yang pastinya rakyat Sabah mahukan BN kerana ia satu-satunya gagasan politik yang boleh menjamin pembangunan negeri yang berterusan.

+ PRESIDEN PBS DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN: "Kita yakin akan menang di 32 kawasan, jauh lebih besar daripada 25 yang kita perolehi pada 1994".

+ PRESIDEN BERSEKUTU DATUK HARRIS SALLEH: "Tidak susah bagi kita mencapai majoriti mudah, tetapi saya yakin Bersekutu boleh menang lebih 30 kerusi...mungkin 32 kerusi".

-- BERNAMA

AM MAI